

Jenis Akhbar : *Harian Metro*
Tarikh : *06/11/2017*
Edisi / Muka Surat : *Nasional / 75*

Petaling Jaya: Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) menjangka 1,600 delegasi menyertai Persidangan Global dan Mesyuarat Agung Persekutuan Koperasi Antarabangsa (ICA 2017) yang bakal berlangsung 13 hingga 17 November ini.

Presidennya Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, penyertaan itu membabitkan delegasi dari 93 negara dengan 900 wakil dari luar negara manakala bakinya terdiri wakil tempatan.

“Kami melihat jumlah penyertaan ini memberangsangkan kerana berjaya menarik hampir semua ahli ICA dari 105 negara untuk menyertai acara dianjurkan di negara ini kali ini,” katanya pada taklimat media ICA 2017, di sini.

ANGKASA menjadi penganjur ICA 2017 iaitu perhimpunan koperasi terbesar dunia selepas memenangi bidaan menjadi tuan rumah pada 2015 mengatasi tiga ba-

1,600 delegasi dari 93 negara hadiri ICA 2017



ABDUL Fattah (dua dari kanan) melihat buku taklimat penganjuran ICA 2017 di Bandar Sunway.

dan koperasi dari empat negara iaitu Australia, New Zealand dan Iran.

Beliau berkata, acara dwitahunan itu terdiri daripada tiga komponen iaitu mesyuarat agung bagi melantik barisan kepimpinan baru

ICA, persidangan global untuk membincangkan hala tuju dan isu berkaitan koperasi seluruh dunia serta mesyuarat jawatankuasa sektoral.

ICA 2017 bakal berlangsung 13 hingga 17 November

ini bertempat di Sunway Resort Hotel & Spa di Bandar Sunway dan disertai ramai individu terkemuka termasuk pakar ekonomi dari Forum Ekonomi Dunia (WEF) iaitu Dr Linda Yueh.

Sempena ICA 2017, ANGKASA menganjurkan Karnival Produk dan Perkhidmatan Koperasi Malaysia 2017 (MACCOPS 2017) berlangsung 15 hingga 19 November ini di Pusat Konvensyen Sunway Pyramid, Petaling Jaya untuk memartabatkan produk serta perkhidmatan koperasi di peringkat nasional dan antarabangsa.

Abdul Fattah berkata, kali ini acara berkenaan menawarkan 150 ruang pameran dengan 130 diisi koperasi tempatan manakala bakinya lima koperasi dan enam syarikat antarabangsa dari tujuh negara.